

CNS9678

U GB 07-07 00167 BA856

aab

Mahathir - rundingan

MITTERRAND KAGUM DENGAN KEJAYAAN MALAYSIA

Daripada Abdul Rahman Sulaiman

I

PARIS, 7 Julai (Bernama) -- Presiden Francois Mitterrand dari Perancis berkata kejayaan berterusan Malaysia dalam bidang ekonomi adalah kerana warisan budayanya yang kukuh, disokong oleh penduduk yang kuat bekerja, nilai-nilai moral yang tinggi dan etika kerja yang baik.

Presiden Perancis itu menyampaikan pemerhatiannya itu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semasa mereka mengadakan rundingan di istana Mitterrand di sini semalam.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi memberitahu wartawan Malaysia yang membuat liputan lawatan Perdana Menteri bahawa pemimpin Perancis itu begitu kagum dengan pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan sejak beberapa tahun lalu.

Malaysia diiktiraf sebagai salah satu ekonomi yang pesat membangun di dunia, dengan mencatatkan kadar pertumbuhan purata sebanyak lapan peratus sejak 10 tahun lalu.

"Ia mesti berpunca daripada budaya anda yang kukuh," Mitterrand memberitahu Dr Mahathir ketika beramah mesra sebelum memulakan mesyuarat mereka selama 60 minit itu. -- lagi

07/07/12-36MST

CNS9682

U GB 07-07 00131 BA857

aab

Mahathir - rundingan 2 Paris

Abdullah berkata selain bertukar pendapat mengenai isu-isu antarabangsa, kedua-dua pemimpin bersetuju untuk meningkatkan kerjasama ekonomi antara negara masing-masing.

Sebuah konsortium syarikat-syarikat Perancis dan Malaysia dijadual menandatangani memorandum persefahaman hari ini untuk membuka jalan ke arah kerjasama dan pelaburan bersama di negara-negara ketiga.

Sambil menyifatkan perjanjian itu sebagai bertepatan dengan masa, Mitterrand mencadangkan supaya Vietnam dan Afrika Selatan dijadikan sasaran pertama konsortium itu.

Mitterrand yang baru pulang daripada lawatan rasminya ke Afrika Selatan berkata bahawa peluang yang terdapat di negara tersebut adalah banyak.

Beliau juga mengenal pasti perumahan sebagai keperluan paling mendadak bagi penduduk miskin di Afrika Selatan dan mencadangkan agar negara-negara maju di dunia mengadakan perancangan untuk membantu negara tersebut dalam bidang berkenaan. -- lagi

07/07/12-49MST

CNS9717

U GB 07-07 00130 BA858

aab

Mahathir - rundingan 3 Paris

Dr Mahathir memaklumi Mitterrand bahawa Malaysia telah membantu Kongres Kebangsaan Afrika (ANC) sejak mereka belum berkuasa.

Perdana Menteri meminta Perancis mengadakan tempat untuk pelajar-pelajar Malaysia bagi mengurangkan pergantungan kepada negara-negara tradisional seperti Britain, Amerika Syarikat, Australia dan New Zealand.

Beliau juga berkata bahawa kerjasama dalam bidang pelajaran dapat memberi sumbangan berpanjangan kepada usaha memupuk persefahaman antara negara.

Ini kerana hubungan awal antara golongan muda Malaysia dengan rakyat serta negara dimana mereka menimba ilmu akan meninggalkan kesan abadi kepada mereka.

Ia juga dapat membantu mereka apabila berurusan dengan negara berkenaan semasa menjalankan tugas pada kemudian hari.

Mitterrand bersetuju dengan Dr Mahathir dan berjanji untuk mengarahkan Perdana Menteri Edouard Balladur menyusuli cadangan itu. -- laqi

▼07/07/13-07MST

CNS9728

U GB 07-07 00131 BA859

aab

Mahathir - rundingan 4 (akhir) Paris

Abdullah berkata kedua-dua pemimpin juga menyentuh isu Rwanda dan Bosnia.

Dr Mahathir menghargai tindakan segera Perancis menghantar pasukan pengamanannya ke Rwanda, yang mendahului Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Mitterrand berkata Perancis akan mengundurkan tenteranya atau meletakkannya di bawah pemerintahan PBB sebaik sahaja badan dunia itu mengambil alih tugas tersebut.

Peraturan sekarang, katanya, hanya langkah sementara bertujuan mencegah keadaan menjadi lebih buruk.

Mengenai Bosnia, Mitterrand memberitahu Mahathir bahawa beliau kini lebih yakin terhadap penyelesaian politik.

Perancis mahukan penyelesaian itu mengiktirafi sempadan kebangsaan Bosnia yang menjamin perpaduan sebuah negara Bosnia yang berdaulat.

Dr Mahathir memberitahu pemimpin Perancis itu bahawa dalam membuat sebarang penyelesaian, pihak yang menceroboh tidak seharusnya mendapat faedah. -- Bernama.

ARES SIA